



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DVS GETS MORE BITE IN FIGHT AGAINST RABIES, NATION, THE STAR -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	BEKALAN IKAN MENINGKAT, HARGA KEMBALI STABIL, DALAM NEGERI, UM -32	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
3.	KEMARAU TELUR 'MACAM DICATU', LOKAL, HM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

DVS gets more bite in fight against rabies

KUCHING: Sarawak has passed a Bill to delegate the power to the Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak in the fight against the spread of rabies.

Apart from delegating functions and duties to any public officer, the Bill seeks to allow the authorisation of other persons by DVS to dispense veterinary drugs, said State Food Industry, Commodity and Regional Development Minister Datuk Sri Dr Stephen Rundi Utom.

He said the State Legislative Assembly passed the Veterinary Public Health (Amendment) Bill, 2022 yesterday.

The rabies outbreak in Sarawak started in 2017 when the first human case was reported in the Serian district, he said, and to date, 72 areas in the state have been declared as rabies-infected areas.

Dr Rundi said due to the outbreak, Sarawak recently established the Immune Belt Enforcement Team (IBET) to complement and support DVS in rabies control and conducting awareness programmes among communities.

"Thus, this amendment is significant as it allows the authorisation of IBET personnel to assist DVS to administer vaccination and carry out the relevant statutory functions and duties of DVS," he said when tabling the Bill.

According to Bernama, Lo Khare Chiang (GPS-SUPP) when debating the Bill said the deployment of IBET officers in assisting DVS will maximise coverage of rabies detection and surveillance programme along the Sarawak-Kalimantan border.

"Due to DVS Sarawak's lack of manpower, the amendment is timely and will allow IBET to assist DVS to contain the diseases.

"The inter-agency collaboration and cooperation will enhance and strengthen enforcement effectiveness," he added.

IBET which is supervised by the State Security and Enforcement Unit have a membership of 108 people who are assigned to monitor 978 villages, farms and control posts throughout Sarawak and its border areas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Bekalan ikan meningkat, harga kembali stabil

Oleh NUR ADRIANA
MOHD AZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Stok bekalan ikan segar di seluruh negara meningkat sekali gus mendorong harganya kembali stabil.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, harga ikan pulih seperti biasa berikutan terdapat peningkatan bekalan hasil laut itu.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai tidak perlu khuatir mengenai bekalan dan harga ikan kerana stok yang dibekalkan kepada peraih dan pengguna mencukupi.

"Alhamdulillah harga ikan ada penurunan dan dalam keadaan terkawal kerana tangkapan hasil laut sudah meningkat. Jadi nelayan-nelayan pun dapat mengurangkan kos mereka untuk turun ke laut.

"Masalah bekalan stok yang berkurang sebelum ini pun tidak perlu risau kerana hasil tangkapan nelayan banyak dan bekalannya mencukupi untuk keperluan pengguna," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.



HARGA ikan kembali stabil berikutan peningkatan bekalan hasil laut itu.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan harga ikan melonjak naik sehingga 15 peratus pada awal bulan ini ekoran kekurangan bekalan ikan segar akibat

keadaan cuaca yang tidak menentu pada fasa peralihan monsun timur laut.

Sementara itu, tinjauan senarai harga ikan di laman web

Price Catcher Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) turut menunjukkan penurunan harga-harga ikan.



AMINUDDIN menyusun telur yang diterima daripada pembekal di kedainya di Bandar Baru Uda, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

KEMARAU TELUR

'Macam dicatu'

Oleh Mohamed Farid
Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Peniaga kedai runcit di sekitar bandar raya ini mendakwa bekalan telur seolah-olah 'dicatu' sedangkan stoknya lebih daripada mencukupi.

Ia menyebabkan bekalan telur di bandar raya ini terus mengalami isu kekurangan dan tidak cukup bekalan sejak hampir lima bulan lalu.

Pemilik kedai runcit, Faruk Abdullah, 33, mendakwa, pemborong kini mengehendak pesanan telur dibuat pemilik kedai runcit dengan alasan bekalan telur terus mengalami bermasalah.

Katanya, pemborong juga hanya menghantar antara 20 hingga 30 papan telur berbanding tempahan biasa dibuat kebanyakan pekada runcit iaitu 100 hingga 150 papan setiap kali penghantaran.

"Saya pun hairan mengapa bekalan telur dikatakan



PENIAGA terpaksa membungkus semula telur ke dalam pek lebih kecil supaya lebih ramai pengguna dapat bekalan yang dijual di kedai.

terjejas kerana setiap kali pemborong hantar, nampak stok telur penuh tersusun dalam lori.

"Namun apabila kita minta lebihkan stok dihantar lebih daripada 20 papan, pemborong menyatakan bekalan tidak cukup," katanya, semalam.

Menurutnya, dia difahamkan, pemborong lebih mengutamakan penghantaran telur ke Singapura berikutan harganya mahal berbanding pasaran tempatan.

"Keadaan ini jika berterusan sangat menyusahkan pekedai dan pengguna.

Malah, pengguna selalu marah apabila bekalan telur sukar diperolehi," katanya.

Seorang lagi pekedai, Aminuddin Mohd, 56, berkata, dia terpaksa

membungkus semula telur diterima kepada pek 10 biji.

Katanya, jika tindakan itu tidak dilakukan, 20 papan telur diterima akan habis dalam sehari.

"Sebelum ini, kami memang tidak pernah hadkan pembelian telur mengikut papan namun ia menyebabkan tidak ramai pengguna dapat membelinya."

"Namun sejak dua bulan lalu, kami terpaksa melakukan pembungkusan telur kepada pek kecil bagi membolehkan lebih ramai dapat membelinya," katanya.

Pengguna yang mahu dikenali sebagai Azman berkata, ramai tertekan kerana bekalan telur sukar didapati sejak beberapa bulan lalu.

"Sukar nak beli telur di kedai runcit dan kedai serbaneka berhampiran rumah kerana perlu pergi pasar raya atau pemborong," katanya.



"Minta stok lebih 20 papan, pemborong maklum bekalan tidak cukup."
Faruk